



Kepada Semua Pegawai Pengawal,  
**PULAU PINANG.**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BIL. 6 TAHUN 2009**

***GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN  
CADANGAN BAJET TAHUN 2010***

**Tujuan**

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Pegawai Pengawal mengenai penyediaan cadangan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2010.

**Anggaran Perbelanjaan Tahun 2010**

2. Anggaran perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2010 telahpun disediakan oleh Jabatan-jabatan Negeri dan dikemukakan kepada Jabatan Kewangan Negeri melalui Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) pada tahun 2008 lalu. Penyediaan Bajet Tahun 2010 tersebut dibuat selaras dengan pelaksanaan Bajet Dwi Tahunan di negeri ini yang telahpun

bermula sejak tahun 2003 dengan penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2003 dan 2004. Berikutan itu pada tahun 2008, penyediaan Bajet Dwi tahunan yang disediakan adalah bagi tahun 2009 dan 2010.

### **Perbelanjaan Mengurus**

3. Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Mengurus adalah dibuat berasaskan kepada pelaksanaan Sistem Belanjawan Di Ubahsuai di mana Batas Perbelanjaan bagi penyediaan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2010 telahpun ditetapkan dan dimaklumkan kepada Pegawai Pengawal melalui surat Jabatan Kewangan Negeri JKNPP/(S)01/08/01 Jld. 2 bertarikh 22 April 2008. Oleh yang demikian Batas Perbelanjaan yang sama dikekalkan pemakaiannya tanpa sebarang perubahan.

### **Dasar Baru**

4. Bagi penyediaan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2010, permohonan di bawah Dasar Baru tidak diperakukan. Sehubungan dengan ini sebarang permohonan daripada Jabatan Negeri di bawah Dasar Baru tidak akan dipertimbangkan. Oleh itu hanya perkara-perkara yang telah diputuskan dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan atau oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri sahaja yang akan dipertimbangkan di bawah Dasar Baru Bajet Tahun 2010 di mana peruntukan bagi tujuan ini akan disediakan di bawah jabatan yang berkaitan.

5. Oleh kerana ketiadaan Dasar Baru dan bagi tujuan melengkapkan proses penyediaan Cadangan Bajet Tahun 2010, semua Pegawai Pengawal diminta menyemak, menyusun dan menyenaraikan semula keutamaan program dan aktiviti jabatan masing-masing supaya perkara-perkara penting dan perlu diberi keutamaan telah diliputi dalam Dasar Sedia Ada. Amalan perbelanjaan berhemat dan berjimat cermat perlu diberi penekanan oleh Pegawai Pengawal dalam menentukan keutamaan perbelanjaan disamping perkara-perkara berikut dijadikan sebagai panduan:-

- i) Mengoptimalkan penggunaan wang awam dalam memenuhi hasrat dan fokus Kerajaan Negeri yang mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan rakyat serta pertumbuhan ekonomi negeri yang berterusan dan mapan.
- ii) Pelaksanaan Sistem Belanjawan Di Ubahsuai yang berteraskan kepada Perjanjian Program sebagai asas pemberian peruntukan kepada jabatan-jabatan di mana impak sesuatu program dan aktiviti diukur dari segi keberkesanan perkhidmatan yang diberikan dan manfaat yang diperolehi oleh rakyat.
- iii) Peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 11 Tahun 2008 berhubung dengan langkah-langkah memperketatkan kawalan perbelanjaan Kerajaan Negeri dan surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri yang berkaitan.

## **Pembelian Aset**

6. Cadangan pembelian aset baru oleh jabatan hendaklah dihadkan kepada keperluan asas dan benar-benar diperlukan oleh jabatan sahaja atau yang bertujuan mempertingkatkan kutipan hasil negeri. Justifikasi mengenai keperluan pembelian aset tersebut perlu disediakan dan dinyatakan dengan jelas supaya tidak berlaku pertukaran senarai aset setelah diluluskan peruntukan serta membolehkan pembelian aset disegerakan di awal tahun.
  
7. Perhatian juga hendaklah diberikan ke atas aspek penyelenggaraan aset yang berkesan dengan mengutamakan nilai kos faedah yang terbaik dan tiada pembaziran agar aset tersebut dapat digunakan secara yang lebih ekonomik dan dalam tempoh yang lebih lama.

## **Perjawatan**

8. Permohonan peruntukan bagi tujuan untuk mewujudkan perjawatan baru tidak dibenarkan tambahan pula dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang di mana sumber-sumber sedia ada seharusnya digembelingkan ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan yang maksima. Oleh yang demikian dasar penempatan anggota sektor awam di negeri ini yang diamalkan sekarang akan diteruskan di mana keutamaan adalah diberikan kepada pengisian kekosongan bagi jawatan kritikal. Permohonan bagi mendapatkan peruntukan emolumen tahun 2010 haruslah

mengambil kira kemampuan pengisian kekosongan sedia ada dan kesesuaian samada penempatan tersebut benar-benar diperlukan atau sebaliknya. Langkah ini perlu bagi mengelakkan peruntukan yang dipohon bagi sesuatu objek sebagai tidak dianggarkan berlebihan dan dengan demikian Batas Perbelanjaan dapat diagihkan kepada perbelanjaan-perbelanjaan lain yang lebih memerlukan.

## **Perbelanjaan Pembangunan**

9. Selaras dengan arahan Kerajaan Negeri yang mahukan supaya semua projek pembangunan diteliti dan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bagi portfolio yang berkenaan maka bagi tahun 2010, senarai projek pembangunan yang dicadangkan oleh Pegawai Pengawal dan telah dikuncimasuk ke dalam sistem SPEKS hendaklah disemak semula. Pegawai Pengawal perlu memastikan bahawa kelulusan telahpun diperolehi daripada Pengerusi Jawatankuasa MMK yang berkenaan. Dalam proses semakan semula tersebut perhatian hendaklah juga ditumpukan kepada fokus dan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pembangunan ekonomi negeri yang mapan dan meningkatkan taraf hidup rakyat di mana penekanan hendaklah diberikan ke atas pelaksanaan strategi berikut:-

- i) Merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri (*pro growth*)
- ii) Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan (*pro job*)
- iii) Menjamin keadilan sosio-ekonomi (*pro poor*)

10. Sebarang perubahan ke atas penyenaian dan semakan semula projek pembangunan bagi tahun 2010 hendaklah dirujuk kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri yang bertanggungjawab menyelaraskan dan memperakukan cadangan permohonan pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri.

### **Anggaran Hasil**

11. Data anggaran hasil bagi tahun 2010 yang telahpun dikuncimasuk ke dalam sistem SPEKS perlu disemak semula oleh Pegawai Pengawal bagi semua kod hasil yang berkaitan supaya tidak berlaku kemasukan data yang terlebih atau terkurang anggaran. Anggaran hasil yang disediakan perlu lebih menasabah dan penjelasan hendaklah diberikan sekiranya terdapat peningkatan atau pengurangan anggaran yang ketara berbanding dengan tahun 2009. Untuk tujuan ini penyediaan anggaran hasil seharusnya dibuat berpandukan kepada perkara-perkara berikut:-

- i) Rekod pungutan hasil sebenar bagi tempoh dua tahun lalu.
- ii) Perubahan-perubahan semasa yang berlaku samada dari segi dasar, peraturan, kadar kutipan dan kedudukan ekonomi semasa/dijangkakan.
- iii) Usaha-usaha meningkatkan pungutan hasil yang telah dibuat oleh jabatan dan keberkesanannya dalam meningkatkan kutipan hasil semasa dan tunggakan.
- iv) Perancangan jabatan untuk mempertingkatkan kutipan hasil tahun 2010.

12. Adalah penting bagi Pegawai Pengawal memantau secara dekat proses penyediaan anggaran hasil oleh anggota jabatan masing-masing dan bertanggungjawab ke atas data anggaran hasil yang telah dikuncimasuk ke dalam sistem SPEKS. Berasaskan pengalaman lalu, terdapat kesukaran menyediakan penjelasan mengenai lebih atau kurang anggaran hasil apabila persoalan tersebut berbangkit di sesi perbahasan Bajet di Persidangan Dewan Undangan Negeri. Ini adalah disebabkan pegawai yang berkaitan menafikan penglibatan mereka dalam proses penyediaan anggaran hasil/kemasukan data ke dalam sistem SPEKS di jabatan masing-masing. Oleh yang demikian pegawai bajet jabatan hendaklah memastikan penyediaan anggaran hasil dan kemasukan data ke dalam sistem SPEKS dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan hasil jabatan dan pegawai-pegawai ini hendaklah diberikan ID masing-masing untuk melaksanakan kerja-kerja kemasukan data tersebut.

### **Penyediaan Dokumen Perjanjian Program**

13. Oleh kerana dokumen Perjanjian Program tidak disediakan melalui sistem, maka penyediaannya hendaklah dibuat secara manual menggunakan perisian Microsoft Words. Bagi jabatan-jabatan yang terlibat dengan penstrukturan semula, semakan yang lebih rapi perlu dibuat ke atas dokumen Perjanjian Program tersebut kerana terdapat perubahan yang ketara dari segi program dan aktiviti yang akan dilaksanakan yang seterusnya mempunyai hubungkaitan dengan

spesifikasi output dan petunjuk impak yang direkodkan bagi sesuatu program.

14. Penyediaan dokumen Perjanjian Program yang lengkap adalah terdiri daripada perkara-perkara yang disenaraikan di bawah ini dan dibuat dengan mengisi Borang ABM 1 hingga 7 sepertimana format yang diedarkan. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa tiada percanggahan maklumat berlaku di antara data yang dimasukkan ke dalam sistem SPEKS dengan data yang direkodkan dalam Perjanjian Program (ABM 1 hingga 7). Perjanjian Program hendaklah mengandungi butiran mengenai perkara-perakra berikut:-

- i) Anggaran Perbelanjaan Tahunan – Ringkasan Eksekutif (ABM 1) yang mengandungi maklumat mengenai jabatan secara keseluruhan.
- ii) Perjanjian Program (ABM 2) yang mengandungi maklumat bagi setiap program yang terdapat di jabatan berkenaan.
- iii) Ringkasan Kedudukan Keanggotaan (pada 1 Januari Tahun Semasa) – ABM3
- iv) Ringkasan Cadangan *One Off* – ABM4 dan ABM 5
- v) Cadangan Penjimatan – ABM 6
- vi) Ringkasan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Objek Sebagai – ABM7.



## **Penyampaian Cadangan Bajet 2010**

### ***Penyampaian Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Melalui Sistem***

15. Penyampaian Cadangan Bajet 2010 yang telah disemak semula oleh Pegawai Pengawal kepada Jabatan Kewangan Negeri hendaklah dibuat melalui sistem. Pegawai Pengawal diberikan tempoh masa daripada **1 Mac 2009 hingga 15 April 2009** untuk meneliti, membuat semakan semula dan mengemaskinikan data-data anggaran hasil dan perbelanjaan tahun 2010 yang telahpun dikuncimasuk ke dalam sistem SPEKS sebelum ini.

16. **Mulai 16 April 2009, sekatan akan dikenakan ke atas sistem dan jabatan-jabatan tidak lagi diberi peluang untuk membuat sebarang ubahsuaian kerana proses penyediaan cadangan bajet oleh jabatan telahpun berakhir.** Oleh itu adalah penting bagi Pegawai Pengawal menggunakan tempoh masa yang diberikan itu dengan sebaik mungkin bagi mengelakkan kelewatan kerana tempoh masa yang berikutnya adalah untuk kegunaan Jabatan Kewangan Negeri di mana pengkhususan perlu diberikan ke atas kerja-kerja penyediaan Dokumen Bajet Negeri yang melibatkan proses semakan dan pemeriksaan secara *online*, pembentangan kepada Jawatankuasa Belanjawan Negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan proses pewartaan oleh Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri.

### ***Penyampaian Dokumen Perjanjian Program***

17. Dokumen Perjanjian Program Jabatan yang telah dikemaskinikan hendaklah disampaikan sebanyak dua salinan kepada Jabatan Kewangan Negeri **tidak lewat daripada 15 April 2009 berserta dengan disket**. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa dokumen yang disampaikan itu dibuat dengan sempurna dan teratur di mana semua Borang ABM 1 hingga 7 sepertimana yang disenaraikan di perenggan 14 di atas telah dilengkapkan.

### **Penutup**

18. Pegawai Pengawal diminta memberikan kerjasama untuk mengemaskinikan dalam tempoh yang dikehendaki semua maklumat Cadangan Bajet Tahun 2010 jabatan masing-masing yang telah sedia ada dalam sistem SPEKS. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, pegawai-pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:-

- i) Timbalan Pegawai Kewangan Negeri - No. Tel: 6505186  
(Puan Hashimah bt. Mohamed Hashim)
- ii) Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri - No. Tel: 6505557  
(Belanjawan)  
(Cik Salmah Bee bt. Abdul Majid)
- iii) Pembantu Tadbir Kanan (Bajet) - No. Tel: 6505197  
(Puan Zakiah bt. Mat)

## Tarikh Kuatkuasa

19. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil 7 Tahun 2008 : Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Bajet Tahun 2009 - 2010 di mana yang berkaitan, khususnya mengenai dasar belanjawan negeri dan penyediaan cadangan perbelanjaan pembangunan.

20. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '**

Saya yang menurut perintah



**( DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOFF )**

Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang.

Tarikh : 20 Februari 2009

s.k : Y.A.B. Tan Sri Ketua Menteri  
Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan,  
Pulau Pinang.